



Pengasas & Pengarah




Satu platform pendidikan untuk pementapan & pemerkasaan sendiri, pembangunan keluarga, kemahiran keibubapaan serta jagaan kesihatan seksual & reproduktif

Telefon :
0137353864 (Siti)

Emel
akademidrhar@gmail.com
harlinahalizah66@gmail.com

Laman Web
www.akademidrhar.com



DATUK DR HARLINA HALIZAH SIRAJ

Berkelulusan Doktor Perubatan (UKM) 1991, Doktor Kepakaran O&G (UKM) 1997 dan Sarjana Pendidikan Klinikal (Melbourne) 2018.

Merupakan mantan Profesor O&G dan Pendidikan Perubatan (Pengajaran Klinikal) di Fakulti Perubatan UKM (bersara pada Jun 2022).

Terkini, memberi khidmat sebagai Pakar Perunding O&G di Hospital Pakar An-Nur, Bandar Baru Bangi, Selangor.

Berpengalaman terlibat dalam kepimpinan akademik di peringkat UKM dan pernah menganggotai panel Jawatankuasa Teknikal Kesihatan Remaja Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Ahli Majlis Kebangsaan untuk Kanak-kanak, Ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa & Pusaka (DBP). Terkini beliau dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Medik Nur Rahmah Berhad (MNRB), Ahli Lembaga Pengarah Wanita Berdaya Selangor (WBS), Ahli Lembaga Pengarah LPPKN dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasanab Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

Aktif dalam dakwah dan aktivisme masyarakat melalui pembabitan dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM), Pertubuhan Ikram Malaysia (IKRAM), *Muslimah Interest Zone and Networking* (MIZAN) dan Persatuan Kesihatan Ibu dan Bayi Malaysia (MAMANEH). Beliau dilantik sebagai Presiden, Persatuan Alumni Sek Seri Puteri (PUTERI) untuk sesi 2021 – 2027.

Telah menulis banyak artikel suratkhbar dan majalah serta beberapa buku bertemakan pendidikan seksualiti, isu kesihatan reproduktif remaja, pembangunan sahsiah, pemerkasaan wanita, dan pementapan institusi perkahwinan dan kekeluargaan.

Dianugerahkan bintang kebesaran Panglima Mahkota Wilayah (PMW) oleh DYMM Tuan Yang Dipertuan Agung sempena Hari Wilayah 2019. Merupakan penyandang Anugerah Saidatina Khadijah sempena Hari Keputeraan Nabi Muhammad tahun 1432 H/2011 peringkat negeri Selangor.